


1 Apakah kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan ?

- A Menjadikan keluarga usahawan terkenal
- B Melambangkan imej perniagaan
- C Melancong ke seluruh dunia
- D Memiliki kereta mewah

2 Rajah 1 menunjukkan perubahan bentuk milikan perniagaan.



Rajah1

Mengapakah Kak Ton mengambil tindakan seperti di atas ?

- I Menanggung liabiliti terhad
  - II Dapat berkongsi kepakaran
  - III Risiko dapat disebarikan
  - IV Perniagaan berterusan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

3 Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan “berhad” (Bhd.) pada nama sesetengah perniagaan ?

- A Bilangan ahli tidak melebihi 50 orang
- B Tidak dibenarkan membuka cawangan
- C Modal dibenar sehingga RM5 juta sahaja
- D Liabiliti terhad setakat modal yang dilaburkan

4 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan.

- Peniaga dibenarkan mengguna jenama produk pemilik asal.
- Mengendalikan perniagaan mengikut sistem yang telah ditetapkan.
- Membuat bayaran dalam bentuk fi.


Apakah bentuk perniagaan tersebut ?

- A Milikan tunggal
- B Perkongsian
- C Usaha sama
- D Francais

5 Apakah kekurangan perniagaan bersaiz besar ?

- A Komunikasi kurang berkesan
- B Sukar menyediakan latihan
- C Kurang daya saing
- D Kekurangan modal

6 Pernyataan di bawah menunjukkan suatu sektor perniagaan.



- Mengekstrakkan sumber semula jadi
- Mengeluarkan bahan mentah untuk kegunaan sektor kedua

Apakah X ?

- A Sektor asli
- B Sektor utama
- C Sektor kedua
- D Sektor ketiga

- 7 Pernyataan manakah menerangkan tentang taraf perintis?
- A Potongan cukai kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan.
  - B Pelepasan cukai kepada perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berasaskan bahan mentah tempatan.
  - C Pengecualian cukai selama lima tahun kepada syarikat yang menyertai sektor yang dipromosi oleh kerajaan.
  - D Pelepasan cukai kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan makanan, pembinaan jalan dan pembelian aset modal
- 8 Apakah kesan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan?
- A Penduduk akan kehilangan pekerjaan
  - B Penduduk meningkatkan pembelian barang mewah
  - C Kuasa beli isi rumah menjadi semakin baik dan meningkat
  - D Perkembangan aktiviti sesebuah perniagaan menjadi semakin pesat
- 9 Apakah kekuatan dalaman yang boleh memacu pertumbuhan dan perkembangan sesuatu perniagaan?
- A Keadaan politik yang stabil
  - B Aktiviti pemasaran yang berkesan
  - C Perkembangan ekonomi yang pesat
  - D Penggunaan peralatan teknologi baharu
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan gaya pengurusan.

Encik Lim merupakan seorang majikan di Syarikat NAS Sdn. Bhd. Beliau telah mewujudkan suasana kerja yang kondusif, sentiasa menjaga hubungan baik dan bertoleransi dengan pekerjanya.

Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Encik Lim?

- A Gaya pengurusan autokratik
- B Gaya pengurusan sokongan
- C Gaya pengurusan sederhana
- D Gaya pengurusan demokratik

- 11 Penetapan objektif menjurus kepada peluang yang tidak mustahil untuk dicapai.  
Apakah ciri objektif tersebut?
- A Spesifik (*Specific*)
  - B Munasabah (*Realistic*)
  - C Boleh dicapai (*Attainable*)
  - D Boleh diukur (*Measurable*)
- 12 Apakah maksud titik pulang modal (TPM)?
- A Kaedah yang digunakan untuk menentukan keuntungan yang diperolehi perniagaan
  - B Kaedah yang digunakan untuk menentukan penggunaan bahan mentah untuk satu tempoh pengeluaran
  - C Kaedah yang digunakan untuk menentukan jumlah penggunaan kos tetap dan kos berubah sesuatu pengeluaran
  - D Kaedah yang digunakan untuk merancang dan mengetahui hasil yang diperolehi bersamaan dengan jumlah kos yang terlibat

- 13 Maklumat yang berikut diperolehi daripada kilang membuat kasut.

	<b>RM</b>
Kos tetap	90 000
Kos berubah seunit	65
Harga seunit	110


Berapakah titik pulang modal bagi pengeluaran kasut tersebut?

- A 2000 unit
  - B 1385 unit
  - C 818 unit
  - D 514 unit
- 14 Pernyataan manakah menerangkan peranan bahagian fungsian sumber manusia?
- I Menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pekerja
  - II Membentuk sistem tindakan yang berkaitan dengan disiplin pekerja

- III Mengurus, menyimpan dan menerima rekod semua dokumen perniagaan
- IV Memastikan organisasi perniagaan mempunyai bahan mentah yang mencukupi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 15 Bagaimanakah pengurus bahagian fungsian pengeluaran bertanggungjawab kepada kawalan semasa?
- A Memastikan semua input berada dalam keadaan baik
  - B Memeriksa kualiti produk supaya berada pada standard yang betul
  - C Memastikan penggunaan bahan mentah yang berkualiti dan mencukupi.
  - D Melaksanakan kawalan pengeluaran, kawalan utiliti mesin dan kawalan staf

- 16 Rajah 2 adalah sejenis saluran agihan




Rajah 2

Apakah jenis barang yang sesuai diagihkan melalui saluran ini?

- A Barang yang tidak tahan lama
  - B Barang yang berjenama, buku dan majalah
  - C Barang kosmetik, tayar , alat elektrik dan pakaian
  - D Barang keperluan harian seperti gula, beras dan barang dapur
- 17 Pernyataan manakah menjelaskan tentang pasaran baharu?
- A Memperkenalkan produk baharu kepada pasaran baharu
  - B Mencari pasaran baharu untuk memasarkan produk yang sedia ada
  - C Memasarkan produk yang baharu dikeluarkan di pasaran sedia ada
  - D Menambah kuantiti produk untuk menampung pertumbuhan pengguna

- 18 Rajah 3 merupakan langkah proses komunikasi.



Rajah 3

Apakah langkah X dan Y?

	X	Y
A	Saluran	Gangguan
B	Gangguan	Maklum balas
C	Maklum balas	Saluran
D	Saluran	Maklum balas

- 19 Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Persekitaran kerja yang kondusif akan meningkatkan produktiviti, motivasi, kepuasan kerja, mengurangkan kesilapan tugas dan tekanan kerja.

Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia dalam konteks tersebut?

- A Prestasi pasukan
  - B Latihan peningkatan kemahiran
  - C Pemantapan budaya profesional
  - D Membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni
- 20 Apakah kepentingan Indeks Pencapaian Utama (KPI) kepada pekerja?
- A Menjadi petunjuk kepada prestasi pencapaian kerja pekerja
  - B Menjadi panduan utama melaksanakan pencapaian kerja
  - C Menjadi piawaian kepada hasil kerja
  - D Menjadi rekod prestasi

- 21 Antara berikut, manakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pekerja yang berprestasi rendah dan bermasalah?
- I Potongan gaji
  - II Latihan peningkatan sendiri
  - III Ditukarkan ke cawangan lain
  - IV Diberi amaran lisan dan bertulis
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 22 Apakah contoh sumber teknologi ?
- A Lesen perisian
  - B Komputer riba
  - C Mesin berteknologi tinggi
  - D Bangunan dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV)
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mengurus sumber perniagaan.
- Menyediakan jadual pemeriksaan mesin
  - Menyediakan jenis kerosakan mesin
  - Menyediakan senarai semak penyelenggaraan mesin
- Mengapakah tindakan ini penting bagi sesebuah perniagaan ?
- A Dapat meningkatkan jualan
  - B Pekerja sentiasa bermotivasi
  - C Produk yang dikeluarkan tidak ditiru
  - D Proses pengeluaran berjalan dengan lancar
- 24 Pernyataan manakah berkaitan dengan harta intelek ?
- A Hasil kreativiti intelektual seseorang
  - B Harta dari keuntungan perniagaan
  - C Hak eksklusif kepada pencipta karya
  - D Perjanjian bertulis antara pemilik dengan pengguna

25 Gambar 1 adalah produk yang dikeluarkan oleh sebuah kilang motosikal.




Gambar 1

Bagaimanakah kilang tersebut melindungi produknya ?

- A Mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- B Mendapat kebenaran dari pihak berkuasa tempatan
- C Mendaftar paten motosikal dengan MyIPO
- D Dapatkan hak cipta terpelihara

26 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.



Apakah W ?

- A Pemfaktoran
- B Ar-Rahnu
- C Overdraf
- D Pajakan

27 Pernyataan manakah berkaitan dengan Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC) ?

- A Memberi pinjaman kepada usahawan
- B Menyediakan latihan industri kepada golongan siswazah
- C Memberi bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah
- D Memberi jaminan kredit kepada usahawan untuk dapatkan pinjaman bank

28 Apakah kelemahan sumber pembiayaan institusi kewangan ?

- A Pinjaman terhad
- B Mendapat kelulusan kerajaan
- C Dikenakan faedah yang tinggi
- D Memerlukan pengesahan dari majikan

29 Berikut adalah sebahagian daripada Penyata Aliran Tunai berakhir 31 Disember 2019 bagi Perniagaan Sri Maju..

Butiran	Okt (RM)	Nov (RM)	Dis (RM)
Baki b/b	13000		
Penerimaan jualan	20000	23000	26000
Q	-	50000	-

Apakah butiran Q?

- A Bayaran pemiutang
- B Ambilan tunai
- C Belian kredit
- D Pinjaman

30 Situasi di bawah menunjukkan seorang pelabur yang ingin membuat pelaburan modal dalam sesebuah perniagaan.

Puan Suzy sedang mempertimbangkan sama ada hendak melabur dalam Perniagaan Cerana atau dalam Perniagaan Hikmah.

Antara analisis nisbah yang berikut, yang manakah dapat membantu beliau membuat keputusan untuk melabur?

- A Untung tokokan
- B Margin untung kasar
- C Pulangan atas modal
- D Kadar pusing ganti stok

31 Apakah contoh yang sesuai bagi kos berubah yang perlu dibiayai oleh usahawan?

- A Pembelian mesin
- B Pembelian bahan mentah
- C Pembayaran faedah pinjaman
- D Pembayaran sewaan bangunan

32 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Encik Sudin merupakan pemilik kilang kain batik.  
Batik keluaran syarikatnya dieksport ke Indonesia.

Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada negara?

- A Mewujudkan kerjasama serantau
- B Mewujudkan peluang perniagaan baharu
- C Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
- D Memupuk minat keusahawanan dalam kalangan ahli keluarga

33 Antara berikut, individu manakah yang mempunyai ciri-ciri usahawan?

- I Puan Liza menjual nasi lemak di gerainya sejak 15 tahun lalu
  - II Hery menjual makanan sejuk beku yang dibeli daripada pembekal
  - III Encik Amir memasarkan sambal bilis hasil keluarannya ke Arab Saudi
  - IV Puan Nina memiliki kilang pakaian setelah 10 tahun bekerja sebagai tukang jahit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34 Mengapakah promosi penting dalam proses pemasaran barangan pengguna?

- A Membantu usahawan melakukan penjenamaan semula produknya
- B Memberitahu dan memujuk pengguna membeli produk
- C Menjamin keuntungan yang lumayan
- D Menentukan harga yang sesuai

35 Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.

Usahawan mempunyai kebolehan membuat keputusan, kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan dan membuat perancangan perniagaan.

Apakah kekuatan yang perlu ada pada diri usahawan?

- A Perhubungan yang baik dengan pasangan
- B Kemahiran pembangunan karektor diri
- C Keupayaan membina jenama
- D Fokus tenaga dan tumpuan

36 Antara perniagaan berikut, milikan perniagaan yang manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A Syarikat Mega Berhad
- B Perniagaan Cemerlang PLT
- C Klik Niaga Gemilang Enterprise
- D Syarikat Pendidikan Pintar Sdn Bhd

37 Berikut merupakan satu urus niaga dalam sebuah syarikat.

Encik Kassim membuat pembelian barang niaga secara tunai dengan Perniagaan Jana Duit Sdn. Bhd.


Berdasarkan pernyataan di atas, bahagian manakah maklumat tersebut perlu direkodkan dalam Penyata Aliran Tunai?

- A Bayaran dari penghutang
- B Jualan tunai
- C Belian tunai
- D Modal

38 Apakah dokumen yang akan dihantar oleh peniaga kepada pembeli jika berlaku pembelian secara kredit?

- A Resit
- B Invois
- C Nota debit
- D Penyata bank

39 Apakah contoh stok bergerak perlahan?



40 Mengapakah sesebuah perniagaan perlu menjalankan aktiviti promosi?

- I Membantu perniagaan meminimumkan kos
  - II Meningkatkan keperluan bahan mentah
  - III Mengekalkan imej produk
  - IV Meluaskan syer pasaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV